



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) TEGAS MENYOKONG PDRM DAN MEMPERKUKUH PERANAN MENJAGA KESELAMATAN NEGARA

1. PUTRAJAYA, 2 Oktober 2025 - Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius insiden yang tular menerusi media sosial pada 2 Oktober 2025 yang melibatkan cubaan menghalang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan tugas semasa mengawal perhimpunan di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur.
2. Pada tarikh tersebut, sekitar 12.00 tengah hari, satu perhimpunan aman dihadiri lebih 50 peserta telah berlangsung di lokasi berkenaan. Keadaan menjadi tegang apabila terdapat cubaan menutup aliran trafik di Jalan Tun Razak, menyebabkan kekecohan dan seorang anggota polis mengalami kecederaan ketika menjalankan tugas. Susulan itu, PDRM menahan dua lelaki tempatan berusia 23 dan 32 tahun bagi membantu siasatan kerana menghalang tugas penjawat awam. Kes disiasat di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan.
3. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri, KDN menegaskan bahawa hak berhimpun secara aman adalah dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Namun, hak tersebut mesti dilaksanakan secara tertib, berhemah dan mematuhi undang-undang tanpa menjejaskan keselamatan awam, mengganggu ketenteraman masyarakat, atau menghalang anggota penguat kuasa menjalankan tugas rasmi. KDN menyokong penuh tindakan PDRM yang tegas serta berlandaskan undang-undang demi menjamin ketenteraman dan keselamatan negara.

4. KDN melalui PDRM sentiasa sedia memberikan kerjasama keselamatan kepada mana-mana penganjur yang ingin melaksanakan perhimpunan secara aman dengan mematuhi peraturan. Pada masa yang sama, KDN tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang melanggar undang-undang, mengganggu ketenteraman awam atau mencetuskan ancaman keselamatan.
5. Sehubungan dengan itu, KDN menyeru semua pihak agar mematuhi peraturan dan undang-undang ketika berhimpun serta bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa. KDN kekal komited untuk memperkukuh peranan menjaga keselamatan dalam negeri, melindungi kepentingan rakyat dan memastikan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.
6. Sebarang maklumat berkaitan dengan pelanggaran undang-undang boleh disalurkan melalui talian penting (*Hotline*) Polis Kuala Lumpur menerusi talian 03-21159999 atau di mana-mana Balai Polis berhampiran.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

2 Oktober 2025

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812